

Dr. M tinjau kemajuan projek pembangunan di Langkawi

LANGKAWI 31 Ogos — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad melakukan lawatan peribadi selama dua hari ke Langkawi bermula hari ini untuk meninjau kemajuan beberapa projek pembangunan di sini.

Beliau yang tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di Padang Mat Sirat kira-kira pukul 5 petang memandu sendiri kereta pacuan empat roda dan meninjau perkembangan projek Harbour Park Langkawi di Teluk Burau.

Beliau yang diiringi Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain mengunjung Kompleks Petronas iaitu

UM - 1 SEP 2003 salah sebuah bangunan yang dibina dalam fasa pertama projek yang terdiri daripada tiga fasa itu.

Kompleks itu antara lain menempatkan, restoran, bank dan beberapa kemudahan lain termasuk stesen minyak yang baru sahaja memulakan operasinya.

Perdana Menteri juga diberi taklimat ringkas oleh pelayar negara Datuk Azhar Mansor yang merupakan salah seorang perunding bagi projek yang bernilai RM40 juta itu.

Projek berkonsepkan Mediterranean itu menyediakan pelbagai kemudahan untuk pelancong termasuk sebuah ma-

rina yang boleh menempatkan 100 kapal layar pada satu masa dan kawasan perumahan.

Pelbagai jenis penginapan termasuk hotel tiga bintang dan pangsapuri akan didirikan di kawasan seluas kira-kira 12 hektar itu yang bakal menjadi tarikan pelancongan terbaru ke pulau peranginan ini.

Esok Dr. Mahathir dijadual melawat beberapa lagi projek pembangunan termasuk meninjau kemajuan pembinaan dua blok tambahan Galeria Perdana di Kilim berharga RM24 juta yang mula dibina Februari lalu.